



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 – 15 JANUARI 2024 (SABTU - ISNIN)

12 Kes Rabies Di Sarawak Stabil, Diberi Rawatan Dan Suntikan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Terkini	Online	14 Jan



GAMBAR HIASAN

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan semua kes gigitan anjing di Sarawak dilaporkan stabil dan telah diberikan suntikan vaksin rabies serta rawatan Immunoglobulin Rabies (RIG).

Menerusi kenyataan hari ini, KKM merujuk kepada 12 kes gigitan anjing yang positif Rabies di kawasan Tabuan Desa Indah dan Lorong Tabuan Timur, Daerah Kuching, Sarawak.

Ujarnya, pada 6 Januari lalu, sebanyak lapan kes gigitan

anjing dari kawasan Tabuan Desa Indah, Lorong Keranji, Daerah Kuching sudah mendapat rawatan di Hospital Umum Sarawak (HUS).

“Salah satu kes dimasukkan ke wad kerana perlu diberikan prosedur perawatan luka (wound debridement) manakala kes lain diberikan rawatan pesakit luar.

“Pada keesokan harinya pula, tiga lagi kes gigitan anjing dari kawasan yang sama mendapat rawatan di HUS.

Kesemua 11 kes tersebut diberikan vaksin rabies dan rawatan RIG.

“Kesemua 11 kes digigit oleh anjing liar yang sama. Anjing tersebut kemudiannya dapat ditangkap oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 8 Januari,” katanya.

Tambah KKM, keputusan ujian makmal yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang diperolehi pada 11 Januari menunjukkan kesemuanya positif rabies.

Dalam pada itu, bagi kes ke-12 KKM menerima laporan dari Lorong Tabuan Timur, Kuching yang mendapat gigitan seekor anjing peliharaan dan mendapat rawatan di HUS pada 7 Januari lalu.

Katanya, anjing tersebut diserahkan secara sukarela kepada pihak berkuasa tempatan dan keputusan ujian makmal yang dibuat oleh DVS menunjukkan anjing tersebut adalah positif rabies.

“Kes tersebut juga diberikan vaksin anti-rabies serta rawatan RIG dan diberikan rawatan pesakit luar. Pada masa ini semua kes gigitan adalah stabil dan satu kes yang yang dimasukkan ke wad juga telahpun discaj pada Selasa lalu.

“Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bersama DVS, PBT serta agensi tempatan akan mempergiatkan aktiviti kawalan di kawasan terbabit bersama masyarakat setempat, termasuk kempen vaksinasi anjing bagi mengawal penularan jangkitan rabies.

“KKM ingin memaklumkan jangkitan rabies boleh dicegah jika rawatan awal diberikan dengan segera. Orang ramai dingatkan agar sentiasa mengambil langkah-langkah berikut untuk pencegahan bagi mengelakkan jangkitan rabies,” ujarnya. – **KOSMO! ONLINE**.

12 Kes Jangkitan Rabies Di Kuching

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan	Berita	Online	14 Jan



ORANG ramai dinasihat berhati-hati mengendalikan haiwan peliharaan bagi mengelak digit dan dijangkiti rabies.- Gambar hiasan

PETALING JAYA: Sebanyak 12 kes penyakit rabies di Kuching, Sarawak stabil selepas mereka diberikan suntikan vaksin dan rawatan Immunoglobulin Rabies (IGR) di Hospital Umum Sarawak (HUS).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataan memaklumkan, 11 pesakit dirawat sebagai pesakit luar manakala satu kes dimasukkan ke hospital.

“Pesakit yang dirawat di hospital kerana luka dan selepas keadaan stabil mangsa telah dibenarkan keluar pada

11 Januari lalu,” kata kenyataan.

Semua 11 kes telah digigit oleh anjing liar yang sama. Anjing berkenaan telah ditangkap oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 8 Januari lalu.

Keputusan ujian makmal yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pada 11 Januari lalu juga menunjukkan anjing liar itu positif rabies.

Bagaimanapun, kata kenyataan itu, kes ke-12

mangsa dilaporkan digigit anjing peliharaan di Lorong Tabuan Timur, Kuching.


Mangsa mendapat rawatan di HUS pada 7 Januari lalu manakala anjing tersebut telah diserahkan secara sukarela kepada PBT dan ujian makmal DVS menunjukkan haiwan itu positif rabies.

Susulan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bersama DVS, PBT dan agensi tempatan dengan kerjasama masyarakat setempat akan mempergiatkan aktiviti kawalan di kawasan terbabit dengan melaksanakan kempen vaksinasi anjing bagi mengawal penularan jangkitan rabies.

Jangkitan rabies boleh dicegah jika rawatan awal diberikan dengan segera dan orang ramai diingatkan untuk sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak terkena jangkitan rabies.- [UTUSAN](#)

Semua Kes Gigitan Anjing Di Sarawak Stabil

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	14 Jan



Gigitan anjing berisiko dijangkiti virus rabies. Foto hiasan

PUTRAJAYA: Semua kes gigitan anjing di Sarawak dilaporkan stabil dan telah diberikan suntikan vaksin rabies serta rawatan Immunoglobulin Rabies (RIG), demikian menurut Kementerian Kesihatan (KKM).

Dalam satu kenyataan hari ini bagi memaklumkan situasi jangkitan anjing yang disahkan positif rabies di Kuching, Sarawak, KKM berkata kes berkenaan terdiri daripada 11 kes yang dirawat sebagai pesakit luar dan satu kes yang dimasukkan ke hospital bagi perawatan luka, yang telah discaj pada Khamis lalu.

"Semua 11 kes telah digigit oleh anjing liar yang sama. Anjing berkenaan telah ditangkap oleh PBT (pihak berkuasa tempatan) pada 8 Januari lalu. Keputusan ujian makmal yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pada 11 Januari lalu, menunjukkan positif rabies.

"Bagi kes ke-12 yang dilaporkan digigit anjing peliharaan di Lorong Tabuan Timur, Kuching, mangsa telah mendapat rawatan di Hospital Umum Sawarak pada 7 Januari. Anjing telah diserahkan secara sukarela kepada PBT dan ujian

makmal DVS menunjukkan ia positif rabies," menurut kenyataan itu.

Pada 11 Januari lalu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) Datuk Wee Hong Seng dilaporkan berkata terdapat 12 kes gigitan anjing yang positif rabies di kawasan Tabuan Desa Indah dan Lorong Tabuan Timur, Sarawak.

KKM berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bersama DVS, PBT dan agensi tempatan yang berkaitan akan mempergiatkan aktiviti kawalan di kawasan terbabit bersama masyarakat setempat termasuk menjalankan kempen vaksinasi anjing bagi mengawal penularan jangkitan rabies.

Menurut KKM, jangkitan rabies boleh dicegah sekiranya rawatan awal diberikan dengan segera sebelum dirujuk ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan lanjut.

KKM turut menggariskan beberapa langkah pencegahan rabies antaranya segera mencuci luka pada kulit atau bahagian anggota badan yang dijilat, digigit atau dicakar haiwan dengan menggunakan air mengalir dan sabun

sekurang-kurangnya selama 15 minit serta memastikan vaksin antirabies lengkap diterima mengikut janji temu yang diberikan oleh pengamal perubatan.

KKM menasihatkan masyarakat agar tidak mengendalikan haiwan liar termasuk anjing dan kucing sama ada yang hidup atau mati, sebaliknya melaporkan kepada DVS atau PBT untuk tindakan lanjut terhadap haiwan berkenaan.– **BERNAMA**

All Dog Bite Victims In Sarawak Stable, Says Health Ministry

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Online	14 Jan

PUTRAJAYA: All dog bite victims in Sarawak are reported to be stable and have been administered rabies vaccination and Rabies Immunoglobulin (RIG) treatment, the Health Ministry said on Sunday (Jan 14).

In a statement regarding the rabies-infected dog situation in Kuching, Sarawak, the ministry said that the cases involve 11 individuals who were treated as outpatients and one case who was admitted to the hospital for wound debridement and was discharged last Thursday.

"All 11 cases were bitten by the same stray dog, which was captured by the local authority (PBT) on Jan 8. The laboratory test conducted by the Veterinary Services Department (DVS) on Jan 11 confirmed a positive rabies status.

"As for the 12th case, reported to be bitten by a pet dog at Lorong Tabuan Timur, Kuching, the victim received treatment at the Sarawak General Hospital on Jan 7. The dog was voluntarily surrendered to the

PBT, and subsequent DVS laboratory test confirmed it to be rabies positive," the statement read.

On Jan 11, Kuching South City Council (MBKS) mayor Datuk Wee Hong Seng reported 12 cases of people bitten by infected dogs in the Tabuan Desa Indah and Lorong Tabuan Timur areas, Sarawak.

The ministry said the Sarawak State Health Department, together with DVS, PBT and relevant local agencies, would intensify control activities in the affected areas with the local community, including conducting dog vaccination campaigns to curb the spread of rabies infection.

It added that the rabies infection can be prevented if given early treatment before being referred to health facilities.

The ministry also outlined several rabies prevention measures, including immediately washing wounds on the skin or body parts that have been licked,

bitten or scratched by animals using running water and soap for at least 15 minutes and ensuring the completion of anti-rabies vaccination according to scheduled appointments.

It also advised the public against handling stray animals, whether alive or dead, such as dogs and cats, and to report to the DVS or PBT for further action. -

BERNAMA

Guna Sampan Seludup Daging Babi, Ayam Sejuk Beku Dari Negara Jiran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Mahkamah & Jenayah	15	15 Jan

Guna sampan seludup daging babi, ayam sejuk beku dari negara jiran

KOTA BHARU - Tindakan penyeludup membawa masuk daging babi dan ayam sejuk beku ke negara ini menggunakan sampan berjaya ditumpaskan oleh Jabatan Kastam negeri ini, pada Khamis, Bertindak atas maklumat Unit Risik Zon Timur pada jam 12.50 pagi, Pasukan Operasi Bahagian Penguatuasaan Kota Bharu telah berjaya mematahkan cubaan menyeludup itu di pangkalan haram Mentua, Pengkalan Kubur, Tumpat.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, unit itu telah mengekor dan berjaya menahan sebuah lori jenis Volvo di Kampung Gertak Serong, Tendong, Pasir Mas. "Pada masa sama, kita turut menahan pemandu dan kelindan untuk membantu siasatan bagi mengenal pasti pemilik sebenar kepada barangan tersebut.

"Jumlah rampasan daging khinzir sejuk beku yang diseludup adalah sebanyak

12,980 kilogram (kg) dengan anggaran nilai RM116,820," katanya. Menurut beliau, modus operandi yang digunakan dalam membawa masuk daging itu adalah dengan menggunakan sampan dan dimuatkan ke dalam lori kontena untuk dibawa ke Pantai Barat. Beliau memberitahu, sebelum itu pihaknya berjaya merampas 2,850kg ayam sejuk beku di sebuah premis di Kampung Bechah Keranji, Pasir Tumboh.

Rezeki Berganda Penternak Itik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	24	15 Jan



Itik-itik yang dilepaskan untuk bertelur di kawasan sawah di Kajang Sebidang, Tumpat.

Ternakan dilepaskan di bendang bertelur lebih banyak

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
TUMPAT

Musim selepas menuai padi di Kampung Kajang Sebidang di sini, memberi rezeki berganda kepada seorang penternak itik apabila ternakannya yang dilepaskan di kawasan bendang menghasilkan lebih banyak telur sejak Oktober lalu.

Mat Zaki Dollah, 49, berkata, kesemua 1,800 itik yang dternaknya menghasilkan kira-kira 800 telur setiap hari berbanding 600 telur jika dikurung di dalam kandang dan diberikan makan dedak.

Menurutnya, itik-itik yang dilepas bebas itu mendapat makanan semula jadi dan lebih bernutrisi daripada pokok-pokok padi selepas dituai, selain memakan sifut gondang yang juga haiwan perosak tanaman.

"Itik-itik ini lebih aktif berenang di kawasan air di bendang apabila dilepaskan ke kawasan sawah seluas lebih 20 hektar.

"Itik-itik betina akan kerap bertelur di atas batas-batas padi dan saya perlu bekerja lebih untuk mengutip ratusan telur pada setiap pagi serta petang bagi mengelak ia dimakan ular atau biawak," katanya ketika ditemui di Kampung Kajang Sebidang dekat sini pada Ahad.

Mat Zaki yang sudah 14 tahun berkecimpung dalam bidang ternakan itu memberitahu, itik-itik tersebut dilepaskan ke bendang dalam tempoh Oktober sehingga Januari pada setiap tahun sebelum kerja-kerja me-



Itik-itik dternak Mat Zaki yang dilepaskan di kawasan bendang menghasilkan lebih banyak telur berbanding biasa.



Mat Zaki kini memperoleh kira-kira 800 biji telur setiap hari.

nabur benih dilakukan untuk tanam-padi seterusnya.

Katanya, itik-itik tersebut akan dikurung semula di dalam kandang apabila kerja-kerja menabur benih padi bermula.

"Sebahagian tanaman padi ini milik saya sendiri dan sebahagian lagi milik penduduk setempat yang membentarkan itik-itik dilepaskan ke sawah mereka kerana najais itik membantu menjadi baja, sekali gus menyuburkan tanah."

"Saya mendapat lebih pulangan apabila banyak telur dihasilkan dan telurnya juga lebih berkualiti, selain

menjimatkan kos dedak RM400 setiap hari berbanding jika dipelihara di dalam kandang," ujarnya.

Tambah Mat Zaki, itik aktif menghasilkan telur pada waktu dinihari atau sebelum fajar antara jam 3 hingga 5 pagi ketika usia haiwan ternakan itu mencecah enam bulan sehingga setahun.

"Seekor itik dapat menghasilkan sebiji telur setiap hari dan kira-kira 300 telur dalam setahun."

"Saya menjual telur-telur ini kepada peraih di Tumpat untuk dibuat telur masin atau dijual secara mentah," katanya.

Enough Chickens for CNY

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	8	15 Jan

Enough chickens for CNY

Supply has stabilised, prices will be monitored, says govt

By ZAKIAH KOYA
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: More than enough affordably priced chickens will be available during the Chinese New Year, says Agriculture and Food Security Ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali.

He said government intervention would ensure prices do not fluctuate too much.

"Our chickens come from various sources, and with imports from Thailand, the supply is expected to be more than enough to go around for the Chinese New Year period," he added.

Lokman pointed out that although there were no price controls on chicken last Christmas, it was sold to consumers below the retail ceiling price of RM9.40 per kg, with an additional 50sen to have the chicken cut.

He added that chicken parts and frozen chicken were also sold below the retail ceiling price at all outlets.

"For Chinese New Year, a festive season price control scheme will be implemented through the Domestic Trade and Cost of Living Ministry," he said.

Lokman said the relevant ministries would continue to collaborate to maintain a stable chicken supply and would also monitor



Plenty for everyone: The Agriculture and Food Security Ministry says chickens will be priced reasonably this Chinese New Year.

reported price manipulation activities.

Subsidies for poultry farmers were discontinued on Nov 1 last year, and since then, the price of chicken has been capped at RM9.40 per kg.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said his ministry would continue to carry out checks at all retail premises.

He said since chicken prices were floated, the ministry had conducted checks at 1,197 premises.

Overall, he said compliance by retailers had been good and the

ministry had issued notices to only six sellers.

"We will continue to ensure that there is no profiteering or cartel activities such as pacts on prices, production or marketing," added Armizan.

The ministry's Enforcement Division director-general Datuk Azman Adam said although there had been no implementation of a maximum price for festive seasons since the price was floated, inspections on chicken prices continued.

"This was to ensure prices did not increase and sellers did not profit. We monitored daily; there

was no pause. The public can report to us if chicken prices exceed the ceiling price of RM9.40," said Azman.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia president Tan Chee Hee said about two million chickens were consumed daily.

"For Chinese New Year, this will increase by only 1.5 to two times of that – it's not much."

"Poultry farmers are well prepared for this festive period as we have sufficient supply. Prices will be dictated by demand and supply," he said when contacted.

From 2022 until August 2023, the country imported chickens from 20 different countries, with the largest imports from Thailand, China and Brazil.

To ensure prices did not fluctuate, the government had also implemented other measures such as abolishing the Approved Permit (AP) requirement for whole chicken and chicken parts on May 18, 2022, allowing the import of Day-Old Chick (DOC) or fertile eggs from New Zealand and Australia to ensure adequate replacement stock for hens, and permitting the importation of chicken eggs from a new source country, namely Thailand.

Malaysians eat about 70.43 million chickens per month, or 845.16 million birds annually.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR